

## KERATAN AKHBAR

---

TARIKH : 28 JULAI 2023  
AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
PAUTAN : <https://www.utusan.com.my/terkini/2023/07/putrajaya-catat-pendapatan-isi-rumah-perbelanjaan-tertinggi/>

### Putrajaya catat pendapatan isi rumah, perbelanjaan tertinggi



MOHD. UZIR MAHIDIN

PUTRAJAYA: Putrajaya berada pada kedudukan tertinggi bagi purata pendapatan isi rumah kasar bulanan iaitu RM13,473 berbanding negeri-negeri lain.

Perkara itu didedahkan menerusi Laporan Survei Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah (HIES) yang dikeluarkan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), hari ini.

Ketua Perangkawan Datuk Seri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, Putrajaya turut merekodkan perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan purata tertinggi iaitu RM8,897 melebihi purata corak perbelanjaan isi rumah nasional iaitu RM5,150.

Beliau berkata, kajian mendapati, kedudukan itu diperoleh memandangkan Wilayah Persekutuan itu lebih tertumpu kepada penjawat awam yang didorong peningkatan secara konsisten.

“Di samping itu, pekerja sektor swasta juga mula memilih untuk menetap di sini dan bekerja di Kuala Lumpur,” katanya dalam sidang akhbar selepas pelancaran HEIS di sini, hari ini.

Katanya, purata pendapatan isi rumah kasar bulanan turut mengambil kira saiz isi rumah yang mana saiz isi rumah mengecil secara automatik akan mempengaruhi corak pendapatan.

Dalam laporan sama, Kuala Lumpur berada di kedudukan kedua purata pendapatan isi rumah kasar bulanan iaitu RM13,325, diikuti Selangor (RM12,233) dan Johor (RM8,517) dan Pulau Pinang (RM8,267).

Selain itu, Mohd Uzir berkata, Selangor turut mencatatkan kadar pertumbuhan tahunan tertinggi bagi pendapatan purata iaitu sebanyak 4.1 peratus daripada RM10,827 kepada RM12,233, manakala Labuan merekodkan kemerosotan 0.3 peratus iaitu RM8,319 (2019) kepada RM8,250.

Katanya, lima negeri lain turut mencatatkan perbelanjaan penggunaan isi rumah melebihi purata nasional adalah Kuala Lumpur (RM7,823), Selangor (RM6,770), Melaka (RM5,707), Johor (RM5,342) dan Pulau Pinang (RM5,322).

Dari sudut corak agihan pendapatan pula, Mohd Uzir berkata, had pendapatan B40 adalah RM5,249 membabitkan 3.16 juta isi rumah manakala, kumpulan M40 pula merekodkan julat pendapatan di antara RM5,250 hingga RM11,819.

“Sementara itu, sebanyak 1.58 juta isi rumah berada dalam kumpulan T20 dengan pendapatan melebihi RM11,820.

“Kumpulan T20 memiliki 46.3 peratus dari agihan keseluruhan pendapatan isi rumah, menurun daripada 46.8 peratus pada 2019, M40 memiliki 37.6 peratus, manakala B40 pula hanya menguasai 16.1 peratus dari jumlah pendapatan, meningkat sedikit daripada 16.0 peratus pada 2019,” katanya.

Meskipun secara umumnya pendapatan isi rumah di Malaysia semakin meningkat, namun begitu jurang pendapatan antara etnik masih ketara.

Jurang pendapatan antara etnik Cina dan etnik bumiputera direkodkan pada kadar 1:0.71 (2022) berbanding 1:0.72 tahun 2019.

Bagaimanapun jurang pendapatan antara etnik Cina dan etnik India ialah 1:0.84 pada tahun 2022 menunjukkan keadaan yang sedikit lebih baik berbanding 2019 (1:0.83). – UTUSAN